

**No. 20874.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2019**

**SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

**BAHAGIAN II**

**PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

2. Pelantikan
3. Kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang
4. Mewakulkan kuasa dan kewajipan
5. Keesahan

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Penasihat Undang-Undang) 2019.

(2) Statut ini hendaklah berkuat kuasa pada 8 Ogos 2019.

Pelantikan

2. (1) Seorang Penasihat Undang-Undang hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut Seksyen 14 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.

(2) Seorang Penasihat Undang-Undang hendaklah melainkan jika ia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun dan apabila tempoh itu habis, Penasihat Undang-Undang adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pelantikan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

Kuasa dan Kewajipan Penasihat Undang-Undang

3. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

(a) menjadi penasihat mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti.

(b) menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang;

(c) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;

(d) bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan perundangan Universiti termasuklah—

(i) ~~menasihati~~ menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;

(ii) menggubal, menyemak dan melulus dokumen perundangan;

- (iii) menyediakan, menyemak dan melulus surat cara perundangan;
  - (iv) menguruskan hal-hal berkaitan transaksi perundangan; dan
  - (v) menguruskan hal-hal berkaitan litigasi;
- (d) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan;
- (e) menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga;
- (f) memberi nasihat berkaitan urusan tata tertib pekerja dan pelajar Universiti;
- (g) melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan; dan
- (h) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

#### Mewakulkan kuasa dan kewajipan

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Penasihat Undang-Undang boleh mewakulkan mana-mana kuasa dan kewajibannya kepada mana-mana pegawai Universiti yang berkelayakan melalui suatu surat cara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Penasihat Undang-Undang atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pegawai Universiti yang berkelayakan untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Penasihat Undang-Undang.

#### Keesahan

5. Apa-apa tindakan yang telah disempurnakan oleh Penasihat Undang-Undang di bawah statut ini hendaklah pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah Statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

Dibuat 8 Ogos 2019

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN  
DATUK HAJI MAHIRUDDIN  
*Canselor*  
*Universiti Malaysia Sabah*